

**No. Rujukan: UNIMAS/TNC(AA)/03-01 Jilid 2 (28)**



**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)**

---

**PEKELILING AKADEMIK  
BILANGAN 3 TAHUN 2021**

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Tarikh: 11 Mac 2021

Disalinkan kepada:

Dekan Fakulti  
Semua Staf Akademik

## UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIMAS/TNC(AA)/03-01 Jilid 2 (28)

11 Mac 2021

### PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 3 TAHUN 2021

#### PENGGUNAAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM IJAZAH BERSAMA (*JOINT DEGREE*)/ DUAL IJAZAH (*DUAL DEGREE*)/ IJAZAH BERGANDA (*DOUBLE DEGREE*) UNTUK PROGRAM AKADEMIK FAKULTI DAN PUSAT DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkaitan keputusan Mesyuarat Senat Bil. 2/2021 Ke-194 berhubung cadangan Penggunaan Garis Panduan Pelaksanaan Program Ijazah Bersama (*Joint Degree*), Dual Ijazah (*Dual degree*), Ijazah Berganda (*Double Degree*) untuk Program Akademik di Universiti Malaysia Sarawak. adalah seperti di Jadual 1:

**Jadual 1: Istilah dan Takrifan Program Akademik**

Bil.	Istilah	Takrifan
1.	Ijazah Bersama ( <i>Joint Degree</i> )	Program Ijazah Bersama bermaksud <b>satu program pengajian</b> yang melibatkan pembangunan program akademik baharu secara <b>kerjasama</b> di antara UNIMAS dan sebuah universiti dalam atau luar negara yang setanding ( <i>equal standing</i> ) dan membawa kepada <b>penganugerahan satu (1) ijazah dengan satu skrol</b> yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh kedua-dua universiti.
2.	Dual Ijazah ( <i>Dual Degree</i> )	Program Dual Ijazah bermaksud <b>gabungan dua (2) program</b> pengajian daripada <b>bidang yang sama atau hampir sama</b> yang <b>melibatkan dua (2) universiti yang berbeza</b> sama ada di dalam atau luar negara ( <i>degree granting institutions</i> ) dan setanding ( <i>equal standing</i> ). Pelajar akan menerima <b>dua (2) ijazah yang berasingan</b> daripada universiti yang bekerjasama selepas berjaya memenuhi semua syarat-syarat

		<p>penganugerahan kedua-dua universiti yang terlibat.</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Kewangan/<i>Bachelor in Finance</i> dari Universiti X dan Sarjana Muda Perbankan/<i>Bachelor in Banking</i> dari Universiti Y.</p>
3.	Ijazah Berganda <i>(Double Degree)</i>	<p>Program Ijazah Berganda bermaksud <b>gabungan penawaran dua (2) program pengajian daripada dua bidang yang berbeza</b> yang melibatkan satu universiti yang sama atau dua (2) universiti yang berbeza sama ada dalam atau luar negara (<i>degree granting institutions</i>) yang <b>standing (equal standing)</b>. Apabila tamat pengajian, pelajar akan <b>menerima dua (2) ijazah yang berasingan</b> oleh institusi-institusi yang terlibat.</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Sains Matematik/<i>Bachelor of Science in Mathematics</i> dan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan/<i>Bachelor of Business Administration</i>.</p>

2. Garis panduan ini digunapakai oleh universiti awam dan swasta di Malaysia bagi penawaran program akademik dalam bentuk ijazah bersama (*joint degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan ijazah berganda (*double degree*). Walau bagaimanapun, pihak universiti boleh mencadangkan perkara lain tentang pelaksanaan program ijazah bersama (*joint degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan ijazah berganda (*double degree*) di universiti masing-masing selain daripada yang tercatat dalam garis panduan dengan kelulusan senat universiti.
3. Pelaksanaan program ijazah bersama, ijazah dual dan ijazah berganda tidak boleh dilaksanakan dalam bentuk pengesahan (*validation*) penganugerahan ijazah oleh universiti kedua tanpa pelajar mengikuti sebahagian pengajian di universiti tersebut. Bagi program dual ijazah dan ijazah berganda, pelajar mesti memenuhi keperluan graduasi kedua-dua universiti.
4. Berikut adalah Garis Panduan Pelaksanaan Program Ijazah Bersama (*Joint Degree*), Ijazah Dual (*Dual Degree*) dan Ijazah Berganda (*Double Degree*) di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) seperti di Lampiran.

Lampiran

Garis Panduan Pelaksanaan Program Ijazah Bersama (*Joint Degree*), Ijazah Dual (*Dual Degree*) dan Ijazah Berganda (*Double Degree*) di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT).

Perkara	Ijazah Bersama ( <i>Joint Degree</i> )	Ijazah Dual ( <i>Dual Degree</i> )	Ijazah Berganda ( <i>Double Degree</i> )
Takrifan	Satu program pengajian yang melibatkan kerjasama dua atau lebih institusi penganugerahan ijazah ( <i>degree granting institutions</i> ) yang setanding ( <i>equal standing</i> ) dalam pembangunan dan penawaran program dan membawa kepada penganugerahan satu ijazah dengan satu skrol oleh institusi yang terlibat.	Dua program pengajian daripada bidang yang sama atau hampir sama yang melibatkan kerjasama oleh dua institusi penganugerahan ijazah ( <i>degree granting institutions</i> ) yang setanding ( <i>equal standing</i> ) dan membawa kepada penganugerahan dua skrol oleh institusi-institusi yang terlibat.	Dua program pengajian daripada bidang yang berbeza yang melibatkan kerjasama oleh institusi yang sama atau dua institusi penganugerahan ijazah ( <i>degree granting institutions</i> ) yang setanding ( <i>equal standing</i> ) dan membawa kepada penganugerahan dua skrol oleh institusi-institusi yang terlibat.
Penggunaan Istilah <i>Home Institution</i> dan <i>Host Institution</i>	Melibatkan penggunaan istilah <i>home institution</i> dan <i>host institution</i> .  Takrifan: Dalam garis panduan ini, ' <i>Home institution</i> ' merujuk kepada universiti di mana pelajar mula mendaftar sebagai pelajar mana kala ' <i>Host institution</i> ' merujuk kepada universiti lain/kedua yang terlibat dalam program Ijazah Bersama ( <i>Joint Degree</i> ), Ijazah Dual ( <i>Dual Degree</i> ) dan Ijazah Berganda ( <i>Double Degree</i> ).		
Kombinasi Bidang-Bidang yang Terlibat	Tidak berkenaan.	Sama atau hampir sama.	Berbeza.

Perkara	Ijazah Bersama ( <i>Joint Degree</i> )	Ijazah Dual ( <i>Dual Degree</i> )	Ijazah Berganda ( <i>Double Degree</i> )
<b>Pelaksanaan Program</b>			
<b>Penamaan Program</b>	Berdasarkan penamaan program baru/program semasa yang melalui <i>conversion</i> yang dipersetujui oleh institusi-institusi berkenaan.	Berdasarkan kepada penamaan program sedia ada yang telah mendapat Akreditasi Penuh.	
<b>Struktur Kurikulum</b>	Dibangunkan secara bersama.	Ditentukan oleh kedua-dua institusi secara bersama.	<p>Pelaksanaan dalam institusi yang sama:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ditentukan oleh fakulti/Pusat Tanggungjawab(PTj) yang berkenaan secara bersama.</li> </ul> <p>Pelaksanaan oleh Institusi yang berbeza:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ditentukan oleh kedua-dua institusi/PTj secarabersama.</li> </ul>
<b>Pengendalian Program</b>			
<b>Tempoh Minimum Pengajian</b>	Memenuhi tempoh minimum tahap MQF.	Memenuhi tempoh minimum tahap MQF.	Memenuhi tempoh minimum tahap MQF dengan tambahan tempoh pengajian bagi memenuhi sebahagian pengajian kedua yang diikuti.

<b>Perkara</b>	<b>Ijazah Bersama (Joint Degree)</b>	<b>Ijazah Dual (Dual Degree)</b>	<b>Ijazah Berganda (Double Degree)</b>
<b>Kredit Bergraduasi Minimum</b>	Memenuhi kredit bergraduasi minimum	minimum tahap MQF.	Memenuhi kredit bergraduasi minimum tahap MQF dan program pengajaran kedua yang diikuti.
<b>Perpindahan Kredit</b>	Tidak melibatkan perpindahan kredit.	Melibatkan perpindahan kredit secara horizontal (kecuali mod penyelidikan).	
<b>% Perpindahan Kredit</b>	Tidak berkenaan		Tertakluk kepada syarat-syarat umum pindah kredit institusi.
<b>Syarat Pemastautin (Residential Requirement)</b>	PPT wajib menetapkan syarat pemastautin akan tetapi pelaksanaan syarat pemastautin adalah di bawah bidang kuasa institusi kerjasama.		PPT wajib menetapkan syarat pemastautin mengikut kelayakan dan tahap MQF seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kedoktoran (Tahap 8 MQF): 1 semester</li> <li>ii. Sarjana (Tahap 7 MQF): 1 semester</li> <li>iii. Sarjana Muda (Tahap 6 MQF): 1 tahun</li> <li>iv. Diploma (Tahap 4 MQF): 1 semester</li> <li>v. Sijil (Tahap 3 MQF): 1 semester</li> </ul>
<b>Dokumen Kerjasama</b>	<i>Memorandum of Understanding (MOU) / Memorandum of Agreement (MOA)</i>		
<b>Syarat Kemasukan</b>	Mematuhi syarat program yang ditetapkan oleh institusi berkenaan.		Mematuhi syarat program yang mana lebih tinggi yang ditetapkan oleh institusi berkenaan.

<b>Perkara</b>	<b>Ijazah Bersama (Joint Degree)</b>	<b>Ijazah Dual (Dual Degree)</b>	<b>Ijazah Berganda (Double Degree)</b>
<b>Pendaftaran Pelajar</b>	Pelajar perlu mendaftar di <i>home institution</i> sahaja. Walau bagaimanapun, ia juga tertakluk kepada perjanjian yang telah dipersetujui bersama oleh institusi yang bekerjasama.	Pendaftaran di kedua-dua institusi/PTJ yang terlibat.	
<b>Yuran Pengajian</b>	Tertakluk kepada perjanjian yang telah dipersetujui bersama oleh institusi yang bekerjasama.		
<b>Pelaksanaan Pemeriksaan Tesis dan Viva (Sarjana dan Kedoktoran)</b>			
<b>Bilangan Tesis</b>	1 tesis	1 tesis	Lazimnya 2 tesis. Walau bagaimanapun boleh dilaksanakan dalam 1 tesis tertakluk kepada skop penyelidikan dan bidang pengajian.
<b>Bil. Sesi Viva</b>	Bilangan sesi viva adalah tertakluk kepada peraturan akademik institusi yang bekerjasama, dan juga tertakluk kepada ketetapan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jika kerjasama ini melibatkan antara PPT dengan UA atau IPTS di luar negara; dan peraturan akademik institusi yang terlibat tidak mensyaratkan sesi viva, maka PPT perlu menetapkan sekurang-kurangnya 1 sesi viva dilaksanakan di PPT; <b>atau</b></li> <li>ii. Jika peraturan akademik institusi yang bekerjasama mensyaratkan sesi viva, maka bilangan sesi viva hendaklah dilaksanakan berdasarkan keperluan dan peraturan akademik institusi yang terlibat.</li> </ul>		

Perkara	Ijazah Bersama ( <i>Joint Degree</i> )	Ijazah Dual ( <i>Dual Degree</i> )	Ijazah Berganda ( <i>Double Degree</i> )
<b>JK Pemeriksa</b>	Bilangan pemeriksa mengikuti perjanjian yang telah dipersetujui bersama oleh institusi yang bekerjasama dengan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa daripada setiap insititusi.	Bilangan pemeriksa mengikuti perjanjian yang telah dipersetujui bersama oleh institusi/PTj yang bekerjasama dengan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa daripada setiap insititusi/PTj.	Bilangan pemeriksa mengikuti perjanjian yang telah dipersetujui bersama oleh institusi/PTj yang bekerjasama dengan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa daripada setiap insititusi/PTj.
<b>JK Penyeliaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelia utama dari <i>home institution</i>.</li> <li>• Penyelia bersama dari <i>host institution</i>.</li> <li>• Sekurang-kurangnya seorang penyelia dari setiap institusi terlibat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelia utama dari kedua-dua institusi/PTj.</li> <li>• Sekurang-kurangnya seorang penyelia dari setiap institusi/PTj terlibat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelia utama dari kedua-dua institusi/PTj.</li> <li>• Sekurang-kurangnya seorang penyelia dari setiap institusi/PTj terlibat.</li> </ul>
<b>Pengiktirafan dan Akreditasi</b>			
<b>Status Institusi</b>	Diiktiraf oleh badan berkuasa atau badan jaminan kualiti negara berkenaan.		

<p><b>Akreditasi Program MQA</b></p>	<p>Hanya program baharu sahaja perlu melalui penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh.</p> <p>Program sedia ada yang telah melalui <i>conversion</i> ke program Ijazah Bersama boleh menggunakan akreditasi sedia ada.</p>	<p>Program sedia ada dalam negara telah mendapat Akreditasi Penuh.</p> <p>Program sedia ada luar negara telah mendapat akreditasi atau pengiktirafan daripada badan jaminan kualiti negara berkenaan.</p>
--------------------------------------	---	---

Perkara	Ijazah Bersama ( <i>Joint Degree</i> )	Ijazah Dual ( <i>Dual Degree</i> )	Ijazah Berganda ( <i>Double Degree</i> )
	<p>*Nota: PPT boleh memilih sama ada untuk <i>convert</i> program sedia ada <b>atau</b> membangunkan program baharu.</p>		
<b>Penganugerahan</b>			
Syarat Penganugerahan			
Memenuhi syarat institusi-institusi yang terlibat.			
Dimiliki oleh institusi yang menganugerahkan kelayakan.			
<b>Pemilikan dan Akauntabiliti</b>			
<b>Penganugerahan Skrol</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 skrol dengan pernyataan penganugerahan ijazah bersama.</li> <li>• Skrol ditandatangani oleh setiap institusi yang terlibat atau tertakluk kepada perjanjian yang telah dipersetujui bersama oleh institusi yang bekerjasama.</li> <li>• Pernyataan jenis program Ijazah Bersama tercatat dalam transkrip.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 skrol dengan pernyataan bersangkutan (<i>interlocking scroll with linking statement</i>) kedua-dua program.</li> <li>• Pernyataan jenis program Ijazah Dual tercatat dalam transkrip.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 skrol bagi 2 program yang berbeza.</li> <li>• Pernyataan jenis program Ijazah Berganda tercatat dalam transkrip.</li> <li>• Pelajar boleh dianugerahkan dengan satu ijazah sahaja jika tidak memenuhi syarat dan keperluan graduasi salah satu program.</li> </ul>

Perkara	Ijazah Bersama ( <i>Joint Degree</i> )	Ijazah Dual ( <i>Dual Degree</i> )	Ijazah Berganda ( <i>Double Degree</i> )
<b>Kelulusan Penawaran</b>			
Kelulusan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) bagi UA	Perlu mendapatkan perakuan kelulusan JKPT.		
Kelulusan Ketua Pendaftar bagi IPTS	<p>Perlu mendapatkan kelulusan Ketua Pendaftar setelah mendapat perakuan akreditasi sementara dari MQA bagi kursus pengajian baharu.</p> <p>Permohonan kursus pengajian baharu perlu dikemukakan menerusi sistem e-IPTS.</p> <p>Sekiranya melibatkan <i>conversion</i> ke atas kursus pengajian yang telah diluluskan, pindaan butiran kursus pengajian yang berkaitan perlu mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.</p>	Surat ambil maklum / tiada halangan akan dikeluarkan bagi permohonan pelaksanaan Ijazah Dual / Ijazah Berganda oleh IPTS.	
<b>Hal-hal Lain</b>			
<b>Program Sangkutan</b>	Pelajar wajib mengikuti program sangkutan penyelidikan ( <i>research attachment</i> ) / kelas /kursus di universiti kedua berdasarkan tempoh minimum syarat pemastautin.		

5. Garis panduan ini berkuatkuasa bagi pelaksanaan program ijazah bersama (*joint degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan ijazah berganda (*double degree*) yang akan ditawarkan pada sesi 2021/2022 dan seterusnya. Bagi program yang telah dijalankan sebelum ini, penyesuaian perlaksanaannya perlu dibuat oleh universiti masing-masing agar selari dengan garis panduan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Prof Dr Hj Ahmad Hata bin Rasit  
**Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)**  
**Universiti Malaysia Sarawak**

11 Mac 2021